

21 APR 2002

Pemuda-Israel

PEMUDA BERBILANG KAUM BERHIMPUN BANTAH KEGANASAN ISRAEL

JOHOR BAHRU, 21 April (Bernama) -- Lebih 2,000 rakyat berbilang kaum berhimpun di Jalan Selat Tebrau di sini hari ini dalam bantahan secara aman menentang keganasan rejim Israel terhadap rakyat Palestin.

Perhimpunan selama tiga jam bermula pukul 2 petang itu dianjurkan Pergerakan Pemuda Umno Johor dan turut disertai Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan anggota-anggota pergerakan pemuda parti-parti komponen di samping orang ramai.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir memberitahu pemberita pada perhimpunan itu bahawa "Perhimpunan Selamatkan Palestin" itu bertujuan memberi tekanan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya mempercepatkan usaha mengusir Israel dari bumi Palestin.

"Kita mungkin tidak boleh ke sana untuk berperang tetapi kita mahu menyatakan kepada rakyat Palestin bahawa dunia bersama mereka dan rakyat Malaysia berbilang kaum dan agama juga bersama rakyat Palestin menentang keganasan zionis dan kekejaman Israel terhadap Palestin," katanya.

Ketua Pemuda Umno Johor Ayub Rahmat berkata 2,000 masyarakat berbilang kaum di Johor berhimpun untuk menunjukkan kebencian dan marah terhadap regim Zionis yang menindas orang Palestin yang lemah.

"Golongan muda terutamanya mengambil iktibar supaya kezaliman itu tidak berlaku di negara kita yang tercinta ini... inilah usaha Pemuda Umno baik di Johor dan Malaysia, menyuarakan kemarahan masyarakat berbilang kaum terhadap keganasan Israel," katanya.

Katanya, Pemuda Umno Johor akan menyerahkan memorandum membantah keganasan Israel itu kepada Hishammuddin untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi dipanjangkan ke PBB.

Beliau berkata perhimpunan itu membuktikan bahawa rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama, khasnya di Johor, mengutuk sekeras-kerasnya keganasan demi keganasan tanpa peri kemanusiaan yang dilakukan oleh Zionis terhadap rakyat Palestin.

Pada perhimpunan itu, mereka membakar patung pemimpin Israel Ariel Sharon dan bendera negara itu.

Deklamasi sajak turut diadakan dalam hujan lebat di tepi Selat Tebrau itu, termasuk oleh artis Aziz Singah, penyair Pyn Habib dan wartawan sambilan Bernama Mohd 'Asri Khalbi dengan tajuk "Hanyir Darah di Jenin".

-- BERNAMA

MNY FAZ